



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 01 Oktober 2024.

**Disediakan oleh,  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BI L	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	<b>Mangsa Banjir Di Kedah Meningkatkan Sedikit</b>  <a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mangsa-banjir-di-kedah-meningkat-sedikit-489930">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mangsa-banjir-di-kedah-meningkat-sedikit-489930</a>  <a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2346202">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2346202</a>  <a href="https://www.buletintv3.my/nasional/banjir-di-kedah-4-pps-baharu-dibuka-di-baling/#google_vignette">https://www.buletintv3.my/nasional/banjir-di-kedah-4-pps-baharu-dibuka-di-baling/#google_vignette</a>  <a href="https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2346343">https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2346343</a>  <a href="https://malaysiagazette.com/2024/09/30/mangsa-banjir-di-kedah-meningkat-kepada-1383-orang/">https://malaysiagazette.com/2024/09/30/mangsa-banjir-di-kedah-meningkat-kepada-1383-orang/</a>  <a href="https://selangorkini.my/2024/09/mangsa-banjir-di-kedah-meningkat-kepada-1384-orang-takat-4-petang-ini/">https://selangorkini.my/2024/09/mangsa-banjir-di-kedah-meningkat-kepada-1384-orang-takat-4-petang-ini/</a>  <a href="https://www.malaysiakini.com/news/720960">https://www.malaysiakini.com/news/720960</a>	Astro Awani  Bernama  Buletin TV3  Bernama  Malaysia Gazette  Selangor Kini  Malaysia Kini	Neutral
2.	<b>3 Remaja Lelaki Ditahan, Rogol Kanak-Kanak Secara Berkumpulan</b>  <a href="https://www.buletintv3.my/jenayah/3-remaja-lelaki-ditahan-rogol-kanak-kanak-secara-berkumpulan/">https://www.buletintv3.my/jenayah/3-remaja-lelaki-ditahan-rogol-kanak-kanak-secara-berkumpulan/</a>  <a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tiga-kanakkanak-ditahan-kerana-disyaki-rogol-rakan-sekampung-489809">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tiga-kanakkanak-ditahan-kerana-disyaki-rogol-rakan-sekampung-489809</a>	Buletin TV3  Astro Awani	Neutral

	<p><a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/09/30/tiga-kanak-kanak-ditahan-disyaki-rogol-secara-berkumpulan">https://www.utusanborneo.com.my/2024/09/30/tiga-kanak-kanak-ditahan-disyaki-rogol-secara-berkumpulan</a></p> <p><a href="https://thereporter.my/3-remaja-lelaki-ditahan-disyaki-merogol-kanak-kanak-perempuan-berusia-12-tahun/">https://thereporter.my/3-remaja-lelaki-ditahan-disyaki-merogol-kanak-kanak-perempuan-berusia-12-tahun/</a></p> <p><a href="https://www.malaysiadateline.com/polis-tahan-tiga-kanak-kanak-disyaki-rogol-rakan-sekampung-berusia-12-tahun-di-kebun/">https://www.malaysiadateline.com/polis-tahan-tiga-kanak-kanak-disyaki-rogol-rakan-sekampung-berusia-12-tahun-di-kebun/</a></p> <p><a href="https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/tiga-kanak-kanak-lelaki-ditahan-disyaki-merogol">https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/tiga-kanak-kanak-lelaki-ditahan-disyaki-merogol</a></p>	<p>Utusan Borneo</p> <p>The Reporter</p> <p>Malaysia Date Line</p> <p>Berita RTM</p>	
3.	<p><b>Tiga Beradik Antara Lima Kanak-Kanak Rentung Dalam Kebakaran</b></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/berita/2024/09/tiga-beradik-antara-lima-kanak-kanak-rentung-dalam-kebakaran/#google_vignette">https://www.utusan.com.my/berita/2024/09/tiga-beradik-antara-lima-kanak-kanak-rentung-dalam-kebakaran/#google_vignette</a></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/09/1304954/lima-rentung-termasuk-bayi-kanak-kanak-dalam-kebakaran-dilias">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/09/1304954/lima-rentung-termasuk-bayi-kanak-kanak-dalam-kebakaran-dilias</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=J9L5CNyTvHU">https://www.youtube.com/watch?v=J9L5CNyTvHU</a></p> <p><a href="https://sabahmedia.com/2024/09/30/lima-mangsa-perempuan-termasuk-kanak-kanak-remaja-rentung-dalam-kebakaran/">https://sabahmedia.com/2024/09/30/lima-mangsa-perempuan-termasuk-kanak-kanak-remaja-rentung-dalam-kebakaran/</a></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/09/1304954/lima-rentung-termasuk-bayi-kanak-kanak-dalam-kebakaran-dilias">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/09/1304954/lima-rentung-termasuk-bayi-kanak-kanak-dalam-kebakaran-dilias</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/688500/berita/semasa/tiga-beradik-antara-lima-kanak-kanak-rentung-dalam-kebakaran">https://www.sinarharian.com.my/article/688500/berita/semasa/tiga-beradik-antara-lima-kanak-kanak-rentung-dalam-kebakaran</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=pBsJ55AzyQw">https://www.youtube.com/watch?v=pBsJ55AzyQw</a></p> <p><a href="https://www.buletintv3.my/nasional/lima-kanak-kanak-terkorban-dalam-kebakaran-setinggal/">https://www.buletintv3.my/nasional/lima-kanak-kanak-terkorban-dalam-kebakaran-setinggal/</a></p>	<p>Utusan</p> <p>Berita Harian</p> <p>Astro Awani</p> <p>Sabah Media</p> <p>Berita Harian</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Buletin TV3</p>	Neutral

	<p><a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/lima-kanak-kanak-rentung-dalam-kebakaran">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/lima-kanak-kanak-rentung-dalam-kebakaran</a></p> <p><a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/09/30/lima-termasuk-kanak-kanak-rentung-akibat-kebakaran">https://www.utusanborneo.com.my/2024/09/30/lima-termasuk-kanak-kanak-rentung-akibat-kebakaran</a></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2024/09/30/lima-termasuk-bayi-rentung-dalam-kebakaran-di-likas/">https://malaysiagazette.com/2024/09/30/lima-termasuk-bayi-rentung-dalam-kebakaran-di-likas/</a></p> <p><a href="https://wartaoriental.com/2024/09/30/kanak-kanak-tiga-tahun-antara-5-rentung-dalam-kebakaran-di-kk/#google_vignette">https://wartaoriental.com/2024/09/30/kanak-kanak-tiga-tahun-antara-5-rentung-dalam-kebakaran-di-kk/#google_vignette</a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/utama/2024/09/1139360/lima-termasuk-bayi-rentung-kebakaran-rumah-setinggalan">https://www.hmetro.com.my/utama/2024/09/1139360/lima-termasuk-bayi-rentung-kebakaran-rumah-setinggalan</a></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2024/09/30/bayi-perempuan-antara-5-rentung-dalam-kebakaran-rumah-setinggalan/">https://www.kosmo.com.my/2024/09/30/bayi-perempuan-antara-5-rentung-dalam-kebakaran-rumah-setinggalan/</a></p>	<p>Berita RTM</p> <p>Utusan Borneo</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Warta Oriental</p> <p>Harian Metro</p> <p>Kosmo</p>	
4.	<p><b>Pekerja Ladang Dikhuatiri Maut, Disambar Buaya Ketika Pasang Pukat</b></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/09/1305072/pekerja-ladang-dikhuatiri-maut-disambar-buaya-ketika-pasang-pukat">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/09/1305072/pekerja-ladang-dikhuatiri-maut-disambar-buaya-ketika-pasang-pukat</a></p>	<p>Berita Harian</p>	Neutral
5.	<p><b>Jangka Hayat Bayi Lahir Pada 2024 Dijangka Hidup Sehingga 75.2 Tahun – DOSM</b></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/688426/berita/nasional/jangka-hayat-bayi-lahir-pada-2024-dijangka-hidup-sehingga-752-tahun---dosm">https://www.sinarharian.com.my/article/688426/berita/nasional/jangka-hayat-bayi-lahir-pada-2024-dijangka-hidup-sehingga-752-tahun---dosm</a></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/09/1304871/bayi-lahir-2024-dijangka-hidup-sehingga-752-tahun-dosm">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/09/1304871/bayi-lahir-2024-dijangka-hidup-sehingga-752-tahun-dosm</a></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/berita/2024/09/bayi-lahir-2024-dijangka-hidup-sehingga-75-2-tahun/">https://www.utusan.com.my/berita/2024/09/bayi-lahir-2024-dijangka-hidup-sehingga-75-2-tahun/</a></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jangka-hayat-bayi-lahir-pada-2024-dijangka-hidup-sehingga-752-tahun-dosm-489870">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jangka-hayat-bayi-lahir-pada-2024-dijangka-hidup-sehingga-752-tahun-dosm-489870</a></p>	<p>Malaysia Gazette</p> <p>Berita Harian</p> <p>Utusan</p> <p>Astro Awani</p>	Neutral

	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/bayi-perempuan-hidup-4-8-tahun-lebih-lama-dari-bayi-lelaki-dosm/">https://www.buletintv3.my/nasional/bayi-perempuan-hidup-4-8-tahun-lebih-lama-dari-bayi-lelaki-dosm/</a>  <a href="https://malaysiagazette.com/2024/09/30/jangkaan-hayat-penduduk-meningkat-bayi-lahir-2024-dijangka-hidup-hingga-75-2-tahun/">https://malaysiagazette.com/2024/09/30/jangkaan-hayat-penduduk-meningkat-bayi-lahir-2024-dijangka-hidup-hingga-75-2-tahun/</a>	<p>Buletin TV3</p> <p>Malaysia Gazette</p>	
6.	<p><b>Polis Kesan Lokasi Wanita Dakwa Dipaksa Jadi Pelacur</b></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/688387/berita/semasa/polis-kesan-lokasi-wanita-dakwa-dipaksa-jadi-pelacur">https://www.sinarharian.com.my/article/688387/berita/semasa/polis-kesan-lokasi-wanita-dakwa-dipaksa-jadi-pelacur</a></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2024/09/30/polis-siasat-wanita-dakwa-dipaksa-jadi-pelacur-di-pulau-pinang/">https://www.kosmo.com.my/2024/09/30/polis-siasat-wanita-dakwa-dipaksa-jadi-pelacur-di-pulau-pinang/</a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1139228/video-tular-polis-siasat-wanita-dakwa-jadi-perempuan-simpanan-langsai">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1139228/video-tular-polis-siasat-wanita-dakwa-jadi-perempuan-simpanan-langsai</a></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/09/polis-siasat-dakwaan-wanita-dipaksa-jadi-pelacur-di-pulau-pinang/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/09/polis-siasat-dakwaan-wanita-dipaksa-jadi-pelacur-di-pulau-pinang/</a></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/09/1304793/polis-siasat-dakwaan-wanita-dipaksa-jadi-perempuan-simpanan-along-langsai">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/09/1304793/polis-siasat-dakwaan-wanita-dipaksa-jadi-perempuan-simpanan-along-langsai</a></p> <p><a href="https://bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2346139">https://bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2346139</a></p> <p><a href="https://www.malaysiakini.com/news/721007">https://www.malaysiakini.com/news/721007</a></p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Kosmo</p> <p>Harian Metro</p> <p>Utusan</p> <p>Berita Harian</p> <p>Bernamea</p> <p>Malaysia Kini</p>	Neutral
7.	<p><b>Warga Emas Berputih Mata RM141,000 Lesap Sekelip Mata</b></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/688443/berita/semasa/warga-emas-berputih-mata-rm141000-lesap-sekelip-mata">https://www.sinarharian.com.my/article/688443/berita/semasa/warga-emas-berputih-mata-rm141000-lesap-sekelip-mata</a></p>	<p>Sinar Harian</p>	Neutral
8.	<p><b>Individu Naik Alza Raih Simpati Jadi OKU</b></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2024/09/30/individu-naik-alza-raih-simpati-jadi-oku/">https://www.kosmo.com.my/2024/09/30/individu-naik-alza-raih-simpati-jadi-oku/</a></p>	<p>Kosmo</p>	Neutral

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

## MANGSA BANJIR DI KEDAH MENINGKAT SEDIKIT

**KUALA LUMPUR:** Jumlah mangsa banjir di Kedah meningkat sedikit kepada 1,373 orang daripada 457 keluarga setakat jam 6 pagi ini berbanding 1,332 orang daripada 426 keluarga semalam.

Menurut laporan Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) semua mangsa dari daerah Pokok Sena, Kota Setar dan Kubang Pasu itu ditempatkan di 13 pusat pemindahan sementara (PPS).

Daerah Pokok Sena mencatatkan mangsa tertinggi iaitu 707 orang daripada 224 keluarga yang ditempatkan di PPS Surau Desa KEDA Derang, Maahad Tarbiyah Islamiyah Derang, Dewan Serbaguna Pokok Sena, Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Hijau Mukim Derang dan Masjid Kampung Baru Jalan Lampam.

Di Kota Setar, 416 orang daripada 130 keluarga berlindung di PPS SK Titi Gajah, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kepala Batas dan SMK Alor Merah.

Sebanyak 209 orang daripada 72 keluarga di Kubang Pasu pula masih berada di PPS Dewan Lubuk Batu dan SK Bandar Baru Darul Aman.

Berdasarkan laman web Public Infobanjir Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) setakat 6 pagi ini, Sungai Padang Terap di Kepala Batas, Kubang Pasu; Sungai Anak Bukit di Taman Aman, Kota Setar dan Sungai Titi Kerbau di Kubur Panjang, Pendang melebihi paras bahaya.

## 3 REMAJA LELAKI DITAHAN, ROGOL KANAK-KANAK SECARA BERKUMPULAN

**TAWAU:** Tiga remaja lelaki ditahan pihak polis kerana disyaki merogol seorang kanak-kanak perempuan bawah umur secara berkumpulan, Khamis lalu.

Timbalan Ketua Polis Daerah Tawau, Superintenden Champin Pih berkata, tiga suspek masing-masing berumur 12 hingga 14 tahun yang juga kenalan mangsa ditahan di sekitar daerah ini kira-kira jam 5.40 petang, pada Jumaat.

Beliau berkata, penahanan ketiga-tiga suspek dibuat susulan laporan dibuat ibu mangsa mengenai kejadian rogol menimpa anak perempuannya yang berusia 12 tahun.

“Hasil siasatan awal mendapati kejadian rogol itu berlaku kira-kira jam 9 malam pada Khamis di kawasan kebun berhampiran sebuah kampung dekat sini.

“Ketiga-tiga suspek terbabit yang tidak bersekolah itu adalah kenalan dan tinggal sekampung dengan mangsa,” katanya ketika dihubungi, di sini hari ini.

Menjelaskan lebih lanjut, Champin berkata dua suspek adalah pemegang sijil lahir, manakala seorang lagi tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan diri.

Katanya, polis telah mendapat perintah tahanan reman di Mahkamah Majistret Tawau dan semua suspek kini ditahan reman selama lima hari sehingga 2 Oktober depan untuk siasatan lanjut.

“Kes masing-masing disiasat mengikut Seksyen 375B Kanun Keseksaan, Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63,” katanya.

### **TIGA BERADIK ANTARA LIMA KANAK-KANAK RENTUNG DALAM KEBAKARAN**



TIGA beradik antara lima kanak-kanak rentung dalam kebakaran di Jalan Lembaga Padi, Lorong Burung Keleto, Likas di Kota Kinabalu, hari ini-IHSAN BOMBA

KOTA KINABALU: Tiga beradik antara lima mangsa kanak-kanak rentung dalam [kebakaran](#) tiga rumah yang berlaku di Jalan Lembaga Padi, Lorong Burung Keleto, Likas hari ini.

Dalam kejadian kira-kira pukul 12.47 tengah hari itu, kesemua mangsa yang berusia setahun hingga 14 tahun ditemukan rentung di rumah yang sama.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Lintas, Agustavia Joe Guasi berkata, tiga-beradik yang rentung itu berusia antara setahun hingga empat tahun.

Beliau berkata, ibu kepada tiga beradik yang rentung itu sedang sarat mengandung dan menunggu hari untuk melahirkan.

“Ibu mangsa telah dihantar ke hospital bersama dua kanak-kanak lain yang berjaya menyelamatkan diri. Difahamkan ibu mangsa tiga beradik itu membantu menjaga anak-anak jiran.

“Kesemua lima mangsa rentung telah diserahkan kepada pasukan polis untuk tindakan selanjutnya,” katanya. – UTUSAN

## **JANGKA HAYAT BAYI LAHIR PADA 2024 DIJANGKA HIDUP SEHINGGA 75.2 TAHUN – DOSM**

PUTRAJAYA - Bayi yang lahir pada 2024 secara purata dijangka hidup sehingga 75.2 tahun dengan bayi perempuan hidup 4.8 tahun lebih lama berbanding bayi lelaki, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, secara purata, seorang bayi perempuan dijangka boleh hidup sehingga 77.8 tahun iaitu 4.8 tahun lebih lama berbanding bayi lelaki pada 73.0 tahun.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan bersempena penerbitan Jadual Hayat Ringkas, Malaysia, 2022-2024, beliau berkata, jangkaan hayat ketika lahir tertinggi bagi lelaki dan perempuan, mengikut negeri, bagi tempoh 2022 hingga 2024 dicatatkan di Selangor, manakala Terengganu mencatatkan jangkaan hayat ketika lahir terendah pada tempoh yang sama.

"Tiga negeri yang mempunyai jangkaan hayat melebihi jangkaan hayat paras nasional pada 2024 iaitu Selangor, Wilayah Persekutuan Labuan dan Kuala Lumpur," katanya.

Mohd Uzir berkata, jangkaan hayat ketika lahir tertinggi bagi lelaki dan perempuan mengikut daerah pentadbiran pada 2024 dicatatkan di Petaling, Selangor (80.2 tahun) manakala Samarahan, Sarawak mencatatkan jangkaan hayat ketika lahir tertinggi bagi tahun 2023 (79.6 tahun) dan 2022 (79.5 tahun).

"Kuala Penyu, Sabah mencatatkan jangkaan hayat ketika lahir terendah bagi lelaki dan perempuan bagi tempoh 2022-2024," katanya. - Bernama

## **INDIVIDU NAIK ALZA RAIH SIMPATI JADI OKU**



Tangkap layar video yang dimuat naik di laman X

PETALING JAYA – Berpura-pura sebagai orang kelainan upaya (OKU) menjadi taktik seorang lelaki untuk meraih simpati bagi tujuan berniaga.

Perkara itu didedahkan menerusi perkongsian video di laman X dipercayai dirakam oleh orang awam, namun lokasi sebenar tidak dapat dipastikan.

Video berdurasi 22 saat itu memaparkan seorang lelaki berlakon sebagai OKU dengan menaiki kerusi roda elektrik.

Bagaimanapun, individu berkenaan dilihat mampu berdiri dan tidak mempunyai sebarang kecacatan ketika mengemas barangannya.

Lelaki itu yang mengenakan kopiah turut dilihat menaiki sebuah kereta jenis Perodua Alza sebelum beredar dari lokasi terbabit.

Sehubungan itu, rata-rata ramai mengecam tindakan tersebut dan menyifatkannya sebagai tindakan yang tidak bertanggungjawab.

“Boleh pakai Alza, hebat juga marketing dia. Ramai ya pelakon di Malaysia,” ujar Rizzler.

“Macam apa perangai. ‘Visual marketing’ hebat, siap lengkap pakai kopiah,” kata Afni.

“Kalau aku nampak, aku minta duit balik. Tak kira lah nak kata buruk siku ke apa,” jelas Imdnan.

“Orang macam ini memang aku doakan agar OKU betul-betul. Orang OKU pun kalau boleh nak jadi normal, nak kerja,” luah Hafidz. – KOSMO! ONLINE.